

Lakar sejarah dalam bidang pembedahan moden

UKM-RCSEd jalin kerjasama

Oleh FIRDAUS ABDULLAH

KUALA LUMPUR – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melakar sejarah baharu menerusi pembukaan Pejabat Antarabangsa Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh (RCSEd) di Advanced Surgical Skills Centre (ASSC), Pusat Perubatan UKM (PPUKM) di sini semalam.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, ini merupakan Pejabat Antarabangsa pertama dibuka di dunia selepas 513 tahun penubuhan RCSEd yang berpusat di United Kingdom.

"Kerjasama antara UKM dan RCSEd ini diharap dapat

melahirkan pakar bedah yang terbaik sejajar dengan kecanggihan teknologi revolusi Industri Keempat.

"Pejabat ini akan menjadi hub kepada pakar bedah di seluruh dunia untuk menjalankan latihan pembedahan secara moden dengan menggunakan sistem simulator berkomputer bagi mengawal segala mesin atau peralatan bedah," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Pejabat

Antarabangsa RCSEd di sini semalam.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan merangkap Canselor UKM, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir hadir mencemar duli merasmikan majlis pembukaan

pejabat tersebut.

Turut berkenan berangkat ke majlis tersebut ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Hadir sama juga ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Pengarah ASSC, Prof. Madya Datuk Dr. Hanafiah Harunarashid. Sementara itu, Presiden RCSEd, Prof. Michael Lavelle-Jones memberitahu, UKM dipilih kerana kelengkapan untuk latihan pembedahan adalah bertaraf kelas pertama di dunia.

"Segala peralatan yang terdapat di PPUKM memenuhi kriteria yang diperlukan serta selamat digunakan untuk sistem pembedahan moden ini," ujarnya.



TUANKU MUHRIZ (tengah) menandatangani plak perasmian Pejabat Antarabangsa RCSEd sambil diperhatikan oleh Noor Azlan (kiri) di PPUKM Kuala Lumpur semalam.